

# TINJAUAN TEORI DAN KONSEP: PERJUANGAN WANITA DALAM POLITIK DI TANAH MELAYU

Ruhana Padzil<sup>1</sup>

## Abstract

This article aims to analyze some feminist theory to understand the form of participation of women in politics, and how they integrate into informal politics and formal politics. These theories assert gender is a social construct, and they have adapted to politics to play a role and serve their agenda in the community. This study identified a number of basic categories of feminist theory such as liberal feminist theory, feminist theory and radical socialist feminist theory to explain a number of approaches and practices that are used by women to get involved in politics before independence. In addition, the Third World feminist theory is also used to explain how women in Malaya simultaneously play two roles in the success of the agenda of feminism and nationalism during the struggles. Previous findings have shown that female political activists in Malaya adapted rightist and leftist approaches. During British rule, female political activists were adapting the 'maternal thinkers' using their identity as a mother and based on female attributes to strive and provide interest in their struggle. Whilst female political activists follow the leftist, there was no emphasis on 'maternal thinkers' but rather, the non-feminine attributes to strive against colonialism.

**Keywords:** formal politics, informal politics, Third World feminist, feminist theory, nationalism

## Pendahuluan

Artikel ini membicarakan beberapa pendekatan feminis untuk analisis konseptual bagi memahami bentuk perjuangan wanita dalam politik formal dan politik tidak formal. Perbincangan ini mengetengahkan pengertian politik daripada lensa feminis yang mengiktiraf perkaitan antara kedua-dua elemen politik formal dan politik tidak formal dalam kehidupan wanita. Berpolitik merupakan kudrat manusia, bermula daripada persoalan personal sehingga persoalan negara. Sarjana feminis telah mengupas semula pengertian politik dan menjelaskan bagaimana wanita mengaplikasikan dan beradaptasi dalam aktiviti politik yang selama ini dianggap bukan arena untuk kaum wanita. Artikel ini dibahagikan kepada lima bahagian yang membicarakan isu wanita dan politik, teori asas feminis, politik mengikut perspektif feminis, feminisme dan nasionalisme di Tanah Melayu.

## Wanita dan Politik

Definisi politik secara umumnya berkaitan dengan kuasa dan pengaruh. Ia merupakan kapasiti atau keupayaan untuk mengawal atau mempengaruhi orang lain. Lasswell dalam buku beliau bertajuk, *Politics: Who Gets What, When and How*<sup>2</sup> merumuskan politik berkait rapat dengan elemen pengaruh dan berpengaruh, berkuasa dan kemampuan untuk mencapai matlamat dengan segala cara. Lasswell menjelaskan sesiapa yang memegang kuasa politik, individu ini merupakan golongan elit dan selebihnya adalah golongan *massa* atau warga biasa. Manakala Bachrach dan Baratz<sup>3</sup> menolak kuasa berpolitik hanya untuk golongan elit. Mereka mengklafikasikan kumpulan politik kepada dua bentuk pengaruh politik yang dikenali sebagai kumpulan elitis dan pluralis. Golongan elitis merupakan pihak pemerintah yang berkuasa membuat polisi kerajaan. Golongan pluralis memegang kuasa dengan mengengahkan isu-isu yang berkaitan dengan masyarakat. Golongan ini dikenali sebagai golongan pendesak, gabungan kumpulan berkepentingan untuk mendedahkan kelemahan kumpulan elitis. Melalui penjelasan ini, ia mengiktiraf wujudnya '*second face of power*' dan pihak elitis dilihat menghalang isu-isu yang dibangkitkan oleh golongan pluralis. Pendekatan yang digunakan oleh Bachrach dan Baratz<sup>4</sup> ini boleh digunakan dalam memahami hubungan wanita dalam politik di mana pihak yang dominan iaitu lelaki secara sedar atau tidak cuba menghalang kumpulan ini daripada berkongsi kuasa.

Dalam membincangkan persoalan politik dan kuasa dengan wanita, ahli teori politik feminis menegaskan konsep politik dan kuasa perlu dibahaskan secara mendalam dan tidak hanya dilihat sebagai *formal state apparatus* sahaja. Golongan ini percaya kesedaran tentang politik telah tertanam dalam kehidupan harian semua individu.<sup>5</sup> Mereka mengkritik pendekatan sains politik arus perdana yang hanya mengetengahkan aktiviti politik formal seperti isu pilihanraya dan parti politik sehingga meminggirkan isu-isu yang dibangkitkan dalam politik tidak formal seperti isu kekeluargaan, kebudayaan dan isu kehidupan harian yang berasaskan isu '*politics of everyday life*'.<sup>6</sup>

Sarjana feminis membahagikan konsep politik kepada dua bahagian iaitu politik tidak formal dan politik formal. Politik tidak formal meletakkan wanita sebagai aktor primari dalam politik aktivisme.<sup>7</sup> Pergerakan ini bersifat lokal dan membawa isu-isu seperti pendidikan dan ketidakadilan sosial dan menuntut perubahan sehingga ke peringkat nasional. Sementara itu, politik formal sering dikaitkan dengan makro-politik seperti pilihanraya, parti politik dan pergerakan nasionalisme.

Marriane Githen dan Jewel Prestage<sup>8</sup> mengenal pasti peranan dan bentuk penglibatan wanita dalam politik yang dibahagikan kepada dua kaedah. Pertamanya, wanita berpolitik berasaskan sifat femininiti dan kedua, wanita berpolitik yang dikategorikan sebagai maskulin. Dalam sejarah politik, wanita berpeluang memainkan dua peranan tersebut, pertamanya mengikut ukuran feminin yang hanya membawa isu wanita dan isu lokal. Keduanya, wanita yang terlibat secara langsung dalam politik formal dan menganggap kedudukan aktivis lelaki dan wanita adalah sama dalam mencapai matlamat perjuangan. Walaupun begitu, sarjana sains politik feminis pesimis dengan penglibatan wanita dalam politik sehingga kini, kerana menganggap wanita masih gagal berintegrasi sepenuhnya dalam dunia politik formal kerana terdapat halangan sama ada daripada lelaki atau wanita sendiri.

Dalam mengetengahkan isu feminisme di negara yang pernah dijajah Jayawardena<sup>9</sup> menegaskan aktivis wanita daripada negara dunia ketiga, daripada golongan berhaluan

kanan dan golongan berhaluan kiri telah terlibat proses politik secara langsung dalam aktiviti feminisme dan perjuangan menuntut kemerdekaan. Namun begitu, perjuangan ini hanya diiktiraf sebagai perjuangan nasionalisme dan tidak melihatnya sebagai elemen kesedaran feminisme yang mula tertanam bersama kesedaran nasionalisme. Kesedaran feminisme ini selari dengan perjuangan melaksanakan reformasi untuk memajukan masyarakat dan membebaskan negara daripada belenggu penjajahan. Perjuangan dan kesedaran ini telah menjadi matlamat utama pejuang dan aktivis politik sama ada lelaki atau wanita, biarpun ketika itu mendapat tentangan dan kritikan, golongan aktivis wanita ini berani meneruskan cabaran untuk berpolitik. Menurut Deniz Kandiyoti,<sup>10</sup> proses ini dianggap sebagai proses aktivis wanita berunding untuk berintegrasi dalam politik formal yang dianggap patriarki demi mempertahankan *status-quo* wanita dalam politik.

### Teori Asas Feminis

Golongan feminis radikal, feminis liberal dan feminis sosial telah membincangkan persoalan garis pemisah yang wujud di antara ruang publik yang didominasi oleh lelaki dan ruang *private* yang didominasi oleh wanita. Golongan radikal menegaskan bagi wanita persoalan politik amat berkait rapat dengan isu personal atau pilihan individu.<sup>11</sup> Beberapa sarjana feminis telah berusaha untuk memecahkan tradisi dalam politik arus perdana yang 'meminggirkan' atau 'mendiamkan' sejarah penindasan wanita daripada dunia publik. Kajian ini mengambil beberapa teori yang membincangkan persoalan tentang peranan gender dan bentuk sosialisasi dalam teori-teori feminis seperti feminis liberal, feminis radikal, feminis sosialis dan feminis dunia ketiga untuk melihat bagaimana wanita di Tanah Melayu berintegrasi dan memainkan peranan dalam politik.

Teori-teori asas feminis seperti teori feminis liberal, feminis sosialis dan feminis radikal merupakan tiga aliran pemikiran utama feminis Barat yang boleh diaplikasikan dalam mengkaji peranan dan penglibatan wanita dalam politik.<sup>12</sup> Pendekatan feminis liberal adalah selari dengan perkembangan budaya liberalisme atau kapitalisme di Barat dan diguna pakai oleh pergerakan nasionalis di Tanah Melayu. Golongan liberal memperjuangkan hak-hak wanita dan mengkritik praktik serta budaya yang dicipta untuk 'melindungi' wanita tetapi akhirnya menindas wanita.

Golongan feminis liberal telah mendesak supaya wanita dan lelaki diberi peluang yang sama dalam politik dan pendidikan.<sup>13</sup> Mereka telah berjuang untuk perubahan dalam masyarakat tetapi tidak melakukan perubahan secara radikal dalam masyarakat. Perbincangan dan perundingan telah dijalankan dengan pihak pemerintah untuk menjayakan agenda mereka dalam mengubah peranan dan kedudukan wanita dalam masyarakat.<sup>14</sup> Golongan feminis liberal juga menggalakkan pemerintah agar menjaga autonomi setiap individu, melindungi hak-hak asasi individu serta rakyat boleh berkongsi sumber secara adil.

Antara tuntutan feminis fahaman liberal ialah mendapatkan hak sama rata antara wanita dan lelaki. Namun begitu, pendekatan feminis liberal tidak pernah mencabar bentuk dominasi yang diguna pakai oleh pemerintah yang disifatkan oleh golongan feminis radikal sebagai patriarki. Golongan feminis liberal masih mempertahankan nilai yang meletakkan 'wanita sebagai wanita' iaitu sifat keibuan dan pelindung kepada arena *private* dalam keluarga. Sifat ini merupakan sifat istimewa seorang wanita dan

kebanyakan daripada pergerakan politik tidak formal biasanya digerakkan oleh kaum ibu apabila melihat polisi pemerintah, polisi ekonomi atau politik memberikan kesan negatif kepada keluarga dan menjejaskan kehidupan harian. Aktivis di Tanah Melayu telah mengambil pendekatan ini, walaupun mereka tidak membawa 'persoalan' wanita namun perjuangan emansipasi sosial dan tuntutan pendidikan untuk wanita menunjukkan keprihatinan terhadap isu kebajikan dan kemajuan wanita.

Feminis sosialis pula menganalisis perhubungan kelas dan menunjukkan bagaimana kapitalis telah menyebabkan subordinasi wanita dan demi menjaga kepentingan imperialisme golongan ini telah melakukan penindasan wanita di Dunia Ketiga.<sup>15</sup> Dalam sistem kapitalis, wanita merupakan objek 'khusus' kepada penindasan terutama dari segi pembayaran upah yang rendah dan peranan mereka di arena domestik telah dikitar semula dalam bentuk pengeluaran produk. Kapitalisme telah menarik wanita sebagai buruh murah dan menyebabkan berlaku penindasan berganda.<sup>16</sup> Justeru itu, golongan ini telah membuat persepakatan dengan kumpulan yang tertindas dan membentuk pergerakan anti-imperialis, menggerakkan pekerja dan menyokong emansipasi wanita.<sup>17</sup> Perjuangan golongan sosialis bertujuan menentang kapitalis dan menentang dominasi lelaki terhadap wanita dalam hubungan sosial. Patriarki juga merupakan elemen yang dikritik oleh golongan ini, malah menegaskan bahawa sistem patriarki telah menjadi ideologi masyarakat.<sup>18</sup>

Golongan feminis radikal pula mengemukakan isu tentang dominasi, penindasan dan subordinasi wanita dalam masyarakat. Golongan ini mengemukakan persoalan fitrah lelaki dan wanita serta kedudukan mereka dalam hubungan sosial manusia. Mereka menekankan bahawa lelaki dan wanita sebagai insan yang memiliki '*self-conscious*'.<sup>19</sup> Namun begitu, peranan dan identiti mereka telah ditentukan masyarakat yang lebih cenderung kepada lelaki. Persoalan patriarki telah dikupas oleh golongan feminis radikal dan menganggap sistem patriarki telah berakar umbi dan telah diterima secara universal.

Beberapa kriteria patriarki<sup>20</sup> dalam masyarakat telah dikemukakan oleh golongan feminis radikal. Antara kriteria tersebut ialah, kuasa mutlak diberikan kepada lelaki/ayah. Lelaki diberikan kuasa atas nama autoriti dan agama, manakala wanita dan anak-anak harus patuh dan bertanggungjawab atas nama keluarga. Golongan feminis radikal menyatakan wanita dipaksa untuk berkahwin, dipinggirkan daripada menerima pendidikan dan diletakkan dalam dunia *private*. Pendekatan ini melihat patriarki sebagai suatu ideologi yang telah berakar umbi di setiap lapisan masyarakat termasuk juga wanita yang menjadi tunjang patriarki dalam institusi formal atau tidak formal.

Golongan feminis radikal juga melihat idea perbezaan antara arena publik dan arena *private* merupakan idea patriarki untuk menafikan hak wanita dan penglibatan wanita dalam dunia politik. Mereka menegaskan aktiviti dan keprihatinan wanita dalam arena politik telah terpinggir dan 'tersembunyi dalam sejarah' kerana peranan biologi sebagai ibu dan ideologi 'kuasa lelaki' telah diiktiraf dalam praktik budaya.<sup>21</sup> Watkins, Rueda dan Rodriguez menyatakan:

Patriarchal ideologies have the effect of disguising the actuality of male power. Men defined themselves as powerful because of their ability to master nature-to be dominant. Women, because of their biological role in reproduction, are defined as being closer to nature than men, thus justifying their domination by men. Male ideology confirms and reinforces men's dominant status by devaluing women's work and

reproductive functions while at the same time presenting male work as of cultural importance and as necessary.<sup>22</sup>

Feminism radikal juga bermula daripada anggapan bahawa wanita telah ditindas dan penindasnya adalah golongan dan sistem patriarki. Kebebasan wanita dari aspek tindakan telah dihadkan oleh kuasa lelaki yang telah mendominasi arena politik, budaya dan sumber sosial berbanding wanita. Pihak berautoriti dan pembuat polisi merupakan faktor utama yang membawa kepada penindasan terhadap wanita dalam kedua-dua arena, iaitu arena publik dan *private*.<sup>23</sup> Golongan ini mengemukakan isu seksualiti dan isu reproduksi ke dalam arena politik. Namun begitu, isu patriarki dan subordinasi wanita masih merupakan isu pokok dalam mengutarakan persoalan perhubungan antara gender dalam menganalisis penglibatan wanita dalam politik.

## Politik Mengikut Perspektif Feminis

### *Dikotomi Publik dan Private*

Perbincangan ilmu politik masih berterusan dan mereka tidak mencapai kata sepakat dalam mendefinisikan politik dan mentakrifkan sempadan antara publik dan *private* dan *personal is political*.<sup>24</sup> Sarjana feminis seperti Hook<sup>25</sup> menegaskan bahawa terdapat pertindihan di antara isu personal dan publik dalam setiap lapisan kehidupan, malah politik merupakan teras kepada semua sosial aktiviti, formal atau tidak formal semua sektor seperti institusi, kumpulan kemanusiaan dan agensi kemasyarakatan. Lister<sup>26</sup> mengetengahkan kesedaran wanita tentang posisi dan peranan yang terhad dalam arena publik, telah menyebabkan mereka melibatkan diri dalam mikro-politik yang juga dikenali sebagai politik tidak formal. Mikro-politik lebih cenderung kepada pergerakan sosial yang mengaplikasikan proses perundingan dengan institusi pemerintah atau pergerakan alternatif untuk mencapai agenda mereka. Kebanyakan wanita memilih untuk terlibat dan bergiat dalam politik tidak formal kerana agenda mereka berhasil berbanding dengan penglibatan politik formal yang didominasi oleh lelaki. Manakala Patemann,<sup>27</sup> sarjana feminis yang mengkritik dikotomi arena publik dan *private*, melihat hubungan politik publik dan *private* sebagai sesuatu yang dinyatakan sebagai '*dialectically interrelated*'. Sarjana feminis menegaskan walaupun isu politik sering dikaitkan dengan arena publik namun mereka percaya politik personal amat penting kepada politik tidak formal dan menjadi penggerak kepada tuntutan politik.

Walby<sup>28</sup> pula menyatakan peranan wanita masih dilihat kabur dan tidak relevan dalam politik arus perdana atau politik formal. Wanita masih kekal memainkan peranan mereka sebagai ibu/isteri jika ingin melibatkan diri dalam politik formal dan konsep ini dikenali sebagai pemikiran maternal dalam politik. Wanita dikatakan masih terpinggir daripada politik formal kerana peranan dan identiti mereka yang telah sebat dengan arena *private* dan diperkuatkan lagi dengan organisasi politik formal yang jelas masih mempraktikkan politik patriarki. Walby,<sup>29</sup> menegaskan politik merupakan perjuangan kuasa di antara feminis dan politik patriarki dan ianya masih berlangsung sehingga ke hari ini.

Isu ini pernah diperdebatkan oleh Betty Friedan<sup>30</sup> dalam, *The Feminine Mystique* yang mengkritik kenyataan yang menyatakan kepuasan hidup wanita adalah berdasarkan identiti dan peranan mereka sebagai ibu dan isteri. Beliau menggunakan pendekatan feminis liberal yang menyokong kenyataan wanita mampu menguruskan peranan

domestik dan fokus kepada kerja kreatif sebagai karier. Firestone<sup>31</sup> pula dalam buku beliau, *The Dialectic of Sex: the Case for Feminist Revolution* dan Millet<sup>32</sup> dalam *Sexual Politics* turut mengkritik teori yang cenderung ke arah patriarki. Golongan sarjana feminis radikal ini menekankan wanita sering dipinggirkan dalam politik kerana institusi politik formal terus didominasi oleh lelaki. Millet<sup>33</sup> mendefinisikan politik sebagai, "...power structured relationship, arrangements whereby one group of persons is controlled by another". Beliau juga merumuskan perhubungan antara gender masih berasaskan perhubungan kuasa yang mewujudkan dominasi patriarki sehingga diterima sebagai nilai sejagat dalam masyarakat.

Kehadiran wanita dalam dunia politik masih dikaitkan dengan budaya patriarki, pengaruh keluarga, kelas sosial dan konteks sejarah. Budaya patriarki juga berkait rapat dengan faktor pertalian keluarga dan pengaruh keluarga. Millet<sup>34</sup> menegaskan, dunia masih terbelenggu dengan ideologi patriarki di mana perjuangan kaum wanita dalam arena politik masih terikat dalam sistem dan peraturan yang ditetapkan lelaki. Malah wanita secara tidak disedari merupakan agen penting dalam meneruskan amalan patriarki dan terlibat dalam mengekalkan kuasa patriarki dalam masyarakat.

### ***Pemikiran Maternal***

Peminggiran wanita ke arena *private*, telah digambarkan melalui pernyataan dalam politik arus perdana yang menyatakan '*man by nature is political, and woman by nature is not*'.<sup>35</sup> Rosaldo<sup>36</sup> pula menganalisis budaya yang mengaitkan identiti wanita dengan kehidupan domestik dan lelaki dengan kehidupan publik. Identiti domestik dikaitkan dengan wanita kerana peranan biologi mereka sebagai ibu, maka fungsi biologikal tersebut telah 'disedut' ke dalam aktiviti domestik. Oleh kerana itu, peranan wanita dalam aktiviti ekonomi dan politik telah dihadkan kerana pandangan bahawa tanggungjawab utama wanita adalah melahirkan dan mengasuh anak.

Rosaldo<sup>37</sup> menjelaskan situasi sosialisasi wanita ke dunia domestik seperti berikut:

"long ago, woman retired from warfare and public affairs, and consecrated her entire life to her family. "...Woman because of her peculiar functions was relegated to activities within the limits of her home, confined to devote herself to a single individual and prevented from transcending the group-relations established by marriage and family".

Namun begitu, Ruddick<sup>38</sup> dan Elshtein,<sup>39</sup> mengetengahkan idea bahawa wanita seharusnya menggunakan kedudukan dan identiti istimewa mereka sebagai ibu untuk menyuarakan suara politik mereka. Ruddick<sup>40</sup> menegaskan golongan feminis dalam politik sepatutnya berbangga dan merasa istimewa dengan identiti sebagai wanita dan ibu. Institusi kekeluargaan dilihat sebagai institusi moral yang tinggi berbanding dengan arena publik kerana ia membentuk sifat kemanusiaan. Kaum ibu merupakan golongan pendesak dan berjuang untuk melindungi kepentingan keluarga dan anak-anak mereka. Perjuangan kaum ibu cenderung untuk memberi kesedaran, berjuang tentang hak wanita dan menekankan pendidikan kepada masyarakat. Ruddick<sup>41</sup> menyatakan wanita memperjuangkan hak berpolitik melalui peranan mereka sebagai ibu, pelindung keluarga serta penjaga komuniti. Kaum ibu, berjuang bukan kerana

mereka seorang wanita tetapi kerana identiti mereka sebagai seorang ibu yang bertindak demi kepentingan keluarga dan negara.

Melalui konsep yang dikenali sebagai '*maternal thinking*' Ruddick melihat wanita yang lemah juga 'berkuasa' dan meluaskan peranan mereka dalam ruang publik dan pentas politik. Pemikiran *maternal* seorang ibu menggunakan ruang yang ada untuk melindungi dan menjaga kebajikan dan keamanan, demi anak-anak dan insan lain. Mengikut Ruddick<sup>42</sup> pemikiran *maternal* bermaksud "*as the intellectual capacities (a mother) develops, the judgements she makes, the metaphysical attitudes she assumes, the values she affirms*". Perspektif *maternal* telah dibangunkan oleh golongan ibu yang mengambil pendekatan bertindak demi kepentingan pemeliharaan dan perkembangan:

*"Non-violent action, the ideals of renunciation, resistance and peacekeeping, govern maternal practice. These attributes and values need to infuse the public sphere in the interest of our children and peace. Mothers might bring to any politics capacities honed in their work-for example attentiveness, realism and a welcoming attitude toward change".<sup>43</sup>*

Pandangan ini turut dikongsi oleh feminis dari negara Dunia Ketiga, yang melihat peranan ibu sebagai pelindung keluarga dan komuniti yang telah menyebabkan mereka memasuki politik publik, dengan mempolitikkan ideologi 'keibuan' sebagai saluran untuk menentang ketidakadilan gender dan penindasan kelas.<sup>44</sup> Melalui penggunaan konsep keibuan aktivis wanita di negara Dunia Ketiga lebih menonjol namun '*invisible*' dalam politik formal.<sup>45</sup> Peranan atau naluri keibuan digunakan bagi meningkatkan kesedaran nasionalisme, bersesuaian dengan peranan wanita untuk melahirkan serta mendidik anak-anak untuk negara dan bangsa. Ruddick<sup>46</sup> menegaskan bermula di sini wanita telah menjadi agen utama kepada perubahan politik;

*"a woman's politics of resistance (which) affirms obligations traditionally assigned to woman and calls on the community to respect them...in the name of womenly duties that they have assumed and that their communities expect of them, they resist' policies or actions that interfere with the fulfilment of these duties".*

Elshtein<sup>47</sup> meraikan peranan keibuan dalam masyarakat dan meletakkannya sebagai tugas penting, bermaruah dan mulia. Peranan '*motherhood*' dianggap sebagai medium untuk wanita memasuki ruang publik dan bersatu untuk berjuang dan menafikan peminggiran wanita daripada dunia publik. Proses ini merupakan *impetus* kepada wanita untuk bergiat dalam politik pada peringkat awal.

### ***'The Personal is Political'***

Politik sering ditakrifkan dalam definisi yang luas dan berhubung kait dengan kuasa, tetapi sarjana feminis telah mengkonstruk semula takrifan politik dengan memasukkan pengalaman hidup dan kesedaran dalaman sebagai sebahagian daripada takrif politik. Mereka mengambil kira semua bentuk kesedaran yang menuntut perubahan demi kepentingan dan meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat ke peringkat individu adalah politik. Bermula dengan 'persoalan' sesuatu isu setelah melalui pengalaman hidup sehingga membentuk kesedaran dalaman agen perubahan juga dikira politikal.<sup>48</sup> Pengalaman peribadi merupakan faktor penting untuk aktivis wanita di Tanah Melayu menceburkan diri dalam aktivisme politik dan politik formal.

Slogan "*the personal is political*" menekankan hubungkait antara personal dan politikal - yang dipimpin oleh wanita dengan kesedaran untuk mengubah. Slogan ini melihat bagaimana hubungan sosial antara individu merupakan komponen utama untuk perubahan politik. Kate Millet<sup>49</sup> merujuk politik sebagai "*power-structured relationships, arrangements whereby one group of persons is controlled by another*". Golongan feminis radikal mengkritik politik arus perdana dan dikotomi publik dan *private* kerana politik bukan melibatkan aktiviti utama tetapi merangkumi isu-isu terpencil seperti isu personal, '*sexual politics*' dan '*the politics of housework*'.<sup>50</sup> Mereka turut mempersoalkan mengapa sarjana politik gagal menentang isu sejarah penindasan wanita dan peminggiran wanita daripada arena publik.

Biarpun wanita berjaya mengintegrasikan peranan mereka dalam sistem politik formal, mereka masih berdepan dengan pandangan yang '*bias*' terhadap wanita melalui penetapan peranan wanita yang telah berakar umbi dalam sistem sosial masyarakat. Majoriti wanita masih ragu dengan kesaksamaan gender, malah terpaksa mengiktiraf peranan tradisional yang diterapkan dalam sistem sosial. Terdapat aktivis wanita di Tanah Melayu menegaskan mereka minat berpolitik setelah melalui pengalaman pahit dan berazam mengubah pemikiran masyarakat. Kesedaran ini berkait rapat dengan 'perasaan' dan 'kesedaran dalaman' tentang kepentingan berpolitik untuk mengubah kehidupan dan status wanita. Perkongsian idea untuk menganalisis kehidupan wanita dalam pertemuan antara aktivis wanita telah mengaitkan perhubungan antara pengalaman personal dan isu yang memundurkan wanita dalam arena publik.

Menurut Hooks,<sup>51</sup> terdapat pertindihan antara isu publik dan isu personal. Kebanyakan aktivis wanita beranggapan penglibatan dalam aktiviti sosial bersifat personal dan amat bermakna kepada mereka berbanding penglibatan dalam politik formal yang membataskan peranan dan bentuk partisipasi wanita kerana bidang ini dimonopoli oleh lelaki. Bagi golongan ini, partisipasi wanita dalam politik dalam arena publik dan *private* dianggap sumbangan mereka kepada identiti '*women as political being*'.<sup>52</sup> Komitmen yang ditunjukkan oleh wanita dalam organisasi berasaskan komuniti telah menyerlahkan kekuatan arena politik tidak formal yang lebih menitikberatkan isu yang memberi kebaikan kepada kehidupan. Penglibatan wanita dalam perjuangan politik juga disebabkan oleh keperluan untuk membubarkan sistem patriarki yang mendorong wanita membuat tuntutan dan demonstrasi. Sebagai contoh, dalam abad ke-19, pekerja wanita di kawasan perlombongan dan industri telah berjaya membuat tuntutan pekerja berbayar setelah dikerah untuk bekerja untuk tempoh masa yang panjang dan dibayar upah yang murah. Pengalaman mereka yang tertindas kerana jantina mereka, telah menyedarkan pekerja ini bahawa pengalaman hidup dalam sistem patriarki menyebabkan mereka bertindak sebagai pekerja dengan membuat tuntutan-tuntutan yang menjaga kebajikan mereka.<sup>53</sup>

Bermula dengan penglibatan dalam arena politik tidak formal dan kesempatan berkongsi struktur kuasa di peringkat akar umbi telah membantu wanita memahami dan peka dengan peranan mereka dalam arena politik formal. Aktivis wanita yang peka dengan aktiviti kemasyarakatan akan lebih berdaya kuasa dan sensitif terhadap isu politik semasa. Kepekaan terhadap politik tidak formal dan politik formal telah menyaksikan penglibatan wanita dalam politik untuk menentang penjajahan, seperti yang telah berlaku di Tanah Melayu.



### *Feminis Dunia Ketiga*

Perkembangan feminisme Dunia Ketiga agak terkebelakang berbanding dengan kemunculan feminisme di Barat. Konsep feminisme lebih dahulu diteroka di Barat selari dengan perkembangan ilmu rasionalisme dan pemodenan masyarakat yang membawa kepada persoalan dan isu wanita sebagai agenda utama. Perkembangan feminis di dunia ketiga tidak semestinya fokus tentang 'persoalan wanita' tetapi dasar perjuangan amat berkait rapat sebagai agen perubahan seperti menekankan isu pendidikan, penentangan terhadap kolonialisme dan pemodenan bangsa. Malah analisis perkembangan feminisme dunia ketiga, melibatkan politik regresif seperti isu etnik, isu imperialis, isu seksis dan kolonialisme.<sup>54</sup>

Pendekatan feminis dunia ketiga diguna pakai untuk menulis semula sejarah perjuangan wanita dalam bidang sosial termasuk pendidikan, perjuangan menentang imperialis medan perjuangan menuntut kemerdekaan negara. Perjuangan feminis dunia ketiga turut mengiktiraf kerjasama aktivis lelaki dan wanita menuntut emansipasi sosial dan kepentingan pendidikan kepada bangsa. Matlamat perjuangan reformis ini ialah untuk mengubah pemikiran masyarakat ke arah pemodenan dan memupuk semangat kebangsaan di kalangan rakyat melalui pendidikan dan penulisan.

Kemunculan pendekatan feminis dunia ketiga bertujuan untuk mengelakkan kekeliruan dan menjawab tuduhan golongan konservatif serta sesetengah pemimpin berhaluan kiri yang menganggap feminisme merupakan warisan kapitalis.<sup>55</sup> Feminis dunia ketiga juga berusaha membuktikan feminisme bukan budaya Barat dan kesedaran ini tidak dipaksa oleh agen Barat.<sup>56</sup> Beliau menegaskan pergerakan feminis dunia ketiga telah bergabung dalam identiti nasional untuk menggerakkan pergerakan anti-kapitalis serta terlibat dalam proses memodenkan masyarakat. Feminisme merupakan pergerakan yang menyokong emansipasi sosial serta memberikan kesedaran tentang eksploitasi dan penindasan gender yang wujud dalam institusi dan adat. Kesedaran feminisme bukan sesuatu yang dipaksa oleh Barat ke atas wanita dunia ketiga tetapi sebagai sumber ilmu untuk menyedarkan masyarakat terutama wanita tentang budaya yang memberi impak penganiayaan berganda kepada wanita melalui kolonialisasi dan imperialisme.

Sejarah dan isu wanita di negara bekas jajahan selalunya tidak mendapat perhatian sarjana Barat apatah lagi untuk memahami pengalaman penindasan berganda yang dialami setelah penjajah memusnahkan kehidupan tradisional dan membentuk kebergantungan rakyat kepada ekonomi kapitalis.<sup>57</sup> Sebagai contoh, ramai buruh imigran termasuk wanita dan kanak-kanak telah dibawa ke Tanah Melayu untuk bekerja di sektor pertanian, perlombongan dan industri. Kebanyakan buruh ini telah dieksploitasi termasuk wanita dan kanak-kanak yang dijadikan sumber buruh murah oleh kapitalis tempatan dan kapitalis Barat. Buruh wanita dipaksa bekerja lebih masa tetapi menerima upah yang paling rendah sedangkan mereka bekerja keras dan rajin. Tujuan mereka bekerja kerana menyara keluarga, membeli makanan, serta mendapat perlindungan untuk keluarga. Pekerja wanita langsung tidak mempunyai kuasa dan autoriti, terpaksa melakukan lebih kerja kerana mempunyai tanggungjawab yang besar membantu keluarga seperti tanggungjawab di rumah, menjaga anak dan memenuhi keperluan keluarga.

Sejarah perjuangan feminis di Barat telah melalui proses terperinci dan berbeza dengan pengalaman wanita di negara dunia ketiga yang melalui proses penjajahan dan

kesedaran yang singkat. Majoriti pergerakan wanita di negara dunia ketiga berjuang atas isu-isu semasa dan bukan atas persoalan feminis. Sehingga kini terdapat beberapa kajian seperti Wazir Jahan Karim (1994),<sup>58</sup> Mohanty (1991)<sup>59</sup> dan Ng, Maznah Mohamad dan Tan Beng Hui (2006)<sup>60</sup> yang membincangkan tentang peranan dan perjuangan wanita di era kolonial. Ia secara langsung membuktikan wanita di negara dunia ketiga sudah terlibat dengan feminisme walaupun tidak dilabelkan sebagai feminis. Sikap tidak prihatin sarjana feminis Barat telah memberi kesan kepada pemaparan wanita dari dunia ketiga dari aspek perjuangan, kehidupan dan suara mereka. Feminis Barat dianggap telah terperangkap dengan andaian 'perangkap kesejagatan' bahawa semua wanita melalui pengalaman yang sama seperti wanita di Barat. Pernyataan yang mengandaikan semua wanita di dunia berkongsi 'pengalaman penganiyaan' yang sama telah dicabar oleh aktivis dan sarjana feminis dunia ketiga. Mereka menegaskan wanita Barat yang tidak pernah berkongsi pengalaman atau menyertai pergerakan menentang penjajah seperti kebanyakan wanita di negara dunia ketiga.

Afshar<sup>61</sup> pula menolak penulisan sarjana feminis Barat yang menganggap wanita dunia ketiga tidak mempunyai asas politik dan ekonomi kukuh tanpa mengambil kira pengalaman mereka sebagai negara yang pernah dijajah dan dieksploitasi sekian lama. Analisis yang tidak mengambil kira pengalaman wanita di negara yang pernah dijajah dan menganggapnya sebagai 'penganiyaan umum' telah menyumbang kepada ketidakadilan dan tidak boleh mewakili suara wanita secara keseluruhan. Malah andaian tersebut telah merupakan 'penganiyaan berganda' kepada wanita di negara yang pernah dijajah apabila analisis mereka tidak mengambil kira aspek-aspek gender, etnik dan isu kelas dalam analisis kerana menggunakan konsep kesejagatan.<sup>62</sup> Maznah Mohamad<sup>63</sup> menekankan golongan feminis dunia ketiga akhirnya terjerumus dalam aliran sosial yang hanya bertujuan menerapkan nilai modenisasi kepada masyarakat. Aktivis wanita di peringkat awal terlibat dalam perjuangan menentang elemen-elemen pra-modern, seperti fahaman sempit, gaya hidup konservatif dan terlalu taksu kepada hubungan gender dan etnik.

Mohanty<sup>64</sup> dalam analisisnya turut menjelaskan mengapa perlunya pendekatan feminis dunia ketiga. Pergerakan wanita di antara dua 'dunia' ini melalui tahap perjuangan yang berbeza kerana feminis dunia ketiga perlu berdepan dengan 'dua kuasa' iaitu budaya dan kuasa kolonial untuk mencapai agenda mereka. Justeru itu, sejarah wanita di negara dunia ketiga perlu dilihat melalui kaca mata tempatan atau pengalaman wanita yang pernah melalui kehidupan di zaman penjajahan. Perbezaan pengalaman merupakan pendekatan penting untuk memahami realiti sosial wanita ketika itu. Mohanty telah mengkritik bagaimana sarjana feminis Barat meletakkan pengalaman wanita dunia ketiga melalui perspektif mereka.

*(The) average third-world woman leads an essentially truncated life based on her feminine gender (read: sexually constrained) and being 'Third World' (read: ignorant, poor, uneducated, tradition bound, religious, domesticated, victimised, etc). This, I suggest, is in contrast to the (implicit) self representation of western women as educated, modern, as having control over their own bodies and sexualities, and the 'freedom' to make their own decisions.*<sup>65</sup>

Beliau menjelaskan feminis Dunia Ketiga perlu menggunakan peluang ini untuk melihat dan menilai semula sejarah politik kolonialisme dan melihatnya dari perspektif dan pengalaman rakyat dari negara yang dijajah iaitu melihat dari aspek pertindihan sejarah bangsa, kolonialisme dan kapitalisme.<sup>66</sup> Malah kemunculan kajian ini menjadi

signifikan kepada penulisan feminis negara dunia ketiga dalam membentuk ilmu pengetahuan intelektual tempatan. Penulisan seperti ini menolak dakwaan yang menyatakan feminisme berasal dari Barat dan feminis hari ini terpengaruh dengan doktrin Barat.

## Feminisme dan Nasionalisme

Nasionalisme merupakan konsep utama dalam prinsip politik tradisional kerana ia merupakan sentimen atau pergerakan yang mempunyai kepentingan politik bangsa. Spencer dan Wollman<sup>67</sup> melihat nasionalisme sebagai satu doktrin iaitu ideologi politik atau falsafah, sentimen (berkait dengan perasaan) dan pergerakan politik. Manakala Anderson<sup>68</sup> menyifatkan fenomena ini mungkin tidak kekal tetapi bangsa akan bangkit selari dengan perkembangan teknologi. Bangsa merupakan 'komuniti yang diimajinasi' dan sentimen ini penting untuk setiap individu 'diterima' secara natural dalam masyarakatnya. Beliau menjelaskan bahawa bangsa mewujudkan sentimen bagi memahami identiti nasional:

*'it is an imagined political community-and imagined as both inherently limited and sovereign'. 'Imagined' does not necessarily mean 'invented', but rather that people who define themselves as members of nations, meet them, or even hear of them, in the minds of each lives the image of their communion (Anderson, 1983).*

Mohanty<sup>69</sup> telah menganalisis maksud '*imagined community*' untuk memahami konteks perjuangan nasionalisme feminis di negara dunia ketiga, beliau menyatakan golongan feminis dunia ketiga telah menjangkau sempadan bangsa dan hirarki apabila mereka bergabung dengan pejuang nasionalis untuk menentang penjajah. Menurut beliau, sejarah wanita di dunia ketiga telah didiamkan dan dipinggirkan daripada analisis teori feminis Barat.

Pergerakan nasionalisme merupakan kesedaran untuk menentang penjajah dan ia wujud dalam pelbagai bentuk perjuangan sama ada dalam bentuk politik formal atau politik tidak formal. Dalam membincangkan persoalan berhubung dengan isu bangsa dan nasionalisme di negara yang pernah dijajah, ia akan tidak terlepas dari mengaitkannya dengan pembentukan identiti bangsa dan pembentukan negara bangsa. Oleh kerana itu, sesetengah sarjana feminis yang menganggap nasionalisme merupakan ancaman kepada agenda feminis. Golongan sarjana feminis ini melihat nasionalisme sebagai 'maskulin' dan mereka ingin menjarakkan diri daripada rangkaian politik ini. Walau bagaimanapun, majoriti aktivis wanita di negara dunia ketiga terlibat dalam pembentukan ideologi dan identiti nasional.<sup>70</sup>

Pergerakan pembebasan nasional yang berbentuk anti-imperialis biasanya menyumbang kepada kemunculan pergerakan wanita yang menyoal hirarki tradisional gender serta pembahagian berasaskan gender dan kemudian penegasannya semula. Herr<sup>71</sup> menerangkan penglibatan feminis dalam nasionalisme dengan pendekatan nasionalisme '*polycentric*'. Bentuk nasionalisme '*polycentric*' bermaksud pergerakan politik yang berkerajaan sendiri dan bebas dari campur tangan penjajah. Beliau melihat nasionalisme ini telah membantu 'mencipta' kesedaran feminisme dan pejuang nasionalis telah bergabung tenaga dengan feminis nasionalis bagi mencapai matlamat mereka mendapatkan kemerdekaan dari kuasa kolonial. Bagaimanapun, sarjana feminis

mula mengkritik nasionalis lelaki yang dianggap telah meletakkan agenda feminis sebagai sekunder dan agenda golongan ini diketepikan setelah merdeka.<sup>72</sup>

Pengalaman perjuangan politik nasional di negara dunia ketiga berbeza dengan negara Barat kerana kebanyakan negara telah memulakan langkah mencabar pendudukan bangsa asing di negara mereka dan menjanjikan modenisasi dan memberikan layanan sama kepada semua warganegara. Modenisasi ini juga digunakan untuk melonggarkan struktur ekonomi kapitalis asing dengan menggunakan identiti nasional untuk menggerakkan masyarakat untuk menentang penjajah.

Golongan ini juga telah menanamkan semangat patriotik menyatukan bangsa dan juga membangkitkan kesedaran masyarakat. Mereka turut mempromosikan pendidikan, konsep negara bangsa, identiti nasional, dan sistem demokrasi. Kumpulan ini menerima sokongan daripada golongan elit dan kapitalis tempatan. Pergerakan nasionalisme di negara dunia ketiga telah memainkan peranan penting dalam menyatukan rakyat malah turut menyatukan golongan pekerja dan majikan.<sup>73</sup> Selain itu mereka telah bekerjasama dengan pergerakan wanita dan mempunyai agenda yang sama iaitu memperkenalkan modenisasi kepada masyarakat. Kedua-dua pergerakan nasionalis dan pergerakan yang menyokong emansipasi wanita secara serentak berjuang bersama-sama bagi membebaskan negara dari cengkaman penjajah untuk memodenkan pemikiran bangsa mereka.

Pengalaman penggabungan antara golongan nasionalis dan feminis tidak pernah berlaku di Barat. Justeru itu, Kaplan<sup>74</sup> menegaskan feminisme dan nasionalisme merupakan dua ideologi yang tidak serasi. McClintock<sup>75</sup> mempunyai pandangan yang sama dan menegaskan, '*..no nation in the world gives women and men the same access to the rights and resources of the nation-state*'. Situasi ini berlaku kerana feminisme di Barat lahir daripada perkembangan langsung modenisasi dan tidak berperanan sebagai agen modenisasi. Manakala aktivis wanita di negara yang dijajah mempunyai agenda untuk memodenkan masyarakat mereka yang masih jauh terkebelakang terutamanya dari segi pendidikan dan kesedaran. Pergerakan feminis dunia ketiga perlu memperjuangkan nilai-nilai moden dan mengambil langkah berbeza dengan feminis Barat kerana wujudnya penindasan yang keterlaluan di negara tersebut.

Pembentukan nasionalisme bergantung kepada persoalan, bila ia muncul, berapa lama dan sejauhmanakah kepayahan yang terpaksa dilalui dalam menjayakan perjuangan mereka. Bentuk nasionalisme di negara dunia ketiga dapat diterjemahkan melalui sokongan rakyat, tentera, kemunculan golongan moderat serta kerjasama golongan elit.<sup>76</sup> Ketika ini kesedaran nasionalisme wujud dalam pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira ideologi sama ada daripada golongan haluan kanan atau haluan kiri.

Semangat serta perjuangan pergerakan wanita ini juga diperkuatkan dengan partisipasi dan pembabitan wanita dalam setiap peringkat. Malah perjuangan ini turut menggambarkan bagaimana wanita mula membebaskan diri mereka dari sistem tradisional yang dilihat mengeksploitasi dan menindas wanita serta merungkai sedikit struktur patriarki yang terpatut kukuh dalam adat tradisi masyarakat. Dalam membentuk kesedaran nasional, pergerakan wanita ini telah menggalakkan pendidikan dan mengaitkannya dengan ajaran agama untuk menyedarkan masyarakat.<sup>77</sup>

Pergerakan ini boleh dikaitkan dengan kesedaran feminis apabila agenda perjuangan sebenar ialah tentang emansipasi wanita dan menghapuskan ketidakadilan

penjajah. Selain daripada itu, kesedaran kelas buruh tentang eksploitasi penjajah ke atas ekonomi tempatan menyeru rakyat bangkit menentang kapitalis. Wanita dari kelas buruh selalunya terlibat dengan perjuangan berhaluan kiri dan selalunya berjaya dipatahkan oleh pemerintah kolonial. Sejarah penglibatan wanita di dalam perjuangan ini telah 'disembunyikan' daripada sejarah, malah sejarah yang menyentuh perjuangan kelas pekerja wanita dalam pergerakan turut 'terpendam' dari rakaman sejarah bangsa.<sup>78</sup>

Sarjana feminis negara dunia ketiga seperti Kim<sup>79</sup> dan Jayawardena<sup>80</sup> merumuskan peningkatan sokongan wanita kepada pergerakan nasionalisme, terutama semasa perjuangan pembebasan nasional membuktikan keberhasilan emansipasi wanita dan nasionalisme feminis. Jayawardena menjelaskan walaupun golongan nasionalis feminis menunjukkan komitmen mereka dengan perjuangan nasionalisme tidak semestinya mereka tidak berjuang untuk meningkatkan status dan kedudukan wanita dalam masyarakat. Malah perhubungan pergerakan wanita ini dengan parti politik membuktikan kepentingan wanita dalam perjuangan nasionalisme. Walaupun, pada peringkat awal pergerakan feminis nasionalisme ini terbatas mengikut garis kelas dan etnik namun garis ini dirungkai sedikit demi sedikit dalam parti yang bersifat pluralis.

Ketegangan yang muncul di antara golongan nasionalis dan feminis di negara dunia ketiga tidak seharusnya dipandang dari sudut negatif kerana adalah salah untuk beranggapan matlamat feminis dan pejuang nasionalis adalah bertentangan. Walaupun wanita telah dipinggirkan selepas perjuangan nasionalisme mencapai matlamatnya tetapi melalui nasionalisme wanita telah mengenal pasti kepentingan agenda emansipasi wanita. Kim<sup>81</sup>, menyatakan semangat nasionalisme wujud dalam pergerakan feminis dan agenda ini boleh membantu memperkuat mereka atau melemahkan mereka. Ia juga membantu feminis mengenal pasti identiti dan menganalisis pengalaman bangsa mereka semasa era penjajahan.

## Kesimpulan

Kajian mendapati wanita telah berintegrasi dalam politik dan mengaplikasikan pendekatan yang sesuai dengan budaya, pendidikan dan persekitaran mereka. Penglibatan dalam politik juga berkait rapat dengan pengalaman peribadi dan kesedaran daripada pengalaman hidup. Terdapat dua pendekatan yang dikenal pasti telah digunakan oleh wanita untuk menceburkan diri dalam dunia politik. Pendekatan yang digunakan bersifat feminin dan tidak feminin dalam menjayakan agenda feminis dan nasionalisme ketika itu. Pendekatan feminin berkait rapat dengan sifat wanita yang dianggap lemah-lembut, keibuan dan suri rumahtangga yang juga dikenali sebagai *maternal thinking*. Pendekatan maskulin melihat wanita telah mengambil inisiatif untuk berjuang dan tidak menekankan isu *maternal thinking* dalam wacana serta tindakan perjuangan mereka menentang penjajahan British di Tanah Melayu.

Kewujudan serentak perjuangan anti-penjajah yang berbentuk maternal, feminin dan haluan kanan serta perjuangan yang berbentuk tidak feminin yang dipengaruhi oleh ideologi haluan kiri telah membentuk *landscape* politik nasionalisme Tanah Melayu. Kedua-dua bentuk perjuangan ini membezakan pengalaman awal perjuangan wanita Tanah Melayu dari pengalaman wanita barat dan ini membezakan sifat serta ciri perjuangan feminisme awal Tanah Melayu. Golongan feminis dilihat tidak dapat menyempurnakan misi feminis dan nasionalisme sekali gus, tetapi gabungan kerjasama

di antara golongan feminis dan nasionalis sangat strategik. Walaupun golongan feminis gagal mencapai agenda mereka tetapi perjuangan bersama kumpulan nasionalis telah menyediakan asas untuk meningkatkan hak-hak wanita dan suara mereka mulai didengar. Malah, feminis nasionalis telah berjaya memperkuatkan prinsip dan sentimen feminis dalam menjangkau perbezaan etnik, budaya dan agama. Selain daripada itu, teori feminis dunia ketiga juga diaplikasikan bagi menjelaskan bagaimana wanita di Tanah Melayu memainkan dua peranan secara serentak dalam menjayakan agenda feminisme dan perjuangan nasionalisme ketika itu.

## Nota

- <sup>1</sup> Ruhana Padzil adalah pelajar Ijazah Kedoktoran Jabatan Rancangan Pengajian Gender, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- <sup>2</sup> Laswell, H.D., 1968. *Politics: Who Gets What, When, How*. 11<sup>th</sup> ed. New York: New York University Press. hlm. 13-23.
- <sup>3</sup> Bachrach P. & Baratz, S., 1970. *Power and Poverty: Theory and Practice*. 6<sup>th</sup> ed. London: Oxford University Press. hlm. 3-5.
- <sup>4</sup> Ibid., hlm. 4.
- <sup>5</sup> Randall, V., 1987. *Women and Politics: An International Perspectives*. Hampshire: The Macmillan Press Ltd. hlm. 14.
- <sup>6</sup> Ibid., hlm. 14.
- <sup>7</sup> Lister, R., 2003. *Citizenship: Feminist Perspectives*. New York: New York University Press. hlm. 32.
- <sup>8</sup> Sapiro, V., 1984. *The Political integration of women*. Chicago: University of Illinois Press. hlm. 6-8.
- <sup>9</sup> Jayawardena, K., 1986. *Feminism and nationalism in the Third World*. London & New Jersey: Zed Books Ltd. hlm. 3.
- <sup>10</sup> Kandiyoti, D., 1988. Bargaining with patriarchy. *Gender and Society* 2(3). hlm. 274-290
- <sup>11</sup> Elshtain, J. B., 1981. *Public Man, Private Woman*. Princeton: Prince University Press. hlm. 201.
- <sup>12</sup> Beasley, C., 1999. *What is Feminism: An Introduction to feminist theory*. London: Sage Publication. hlm. 3-10.
- <sup>13</sup> Ibid. hlm. 130-44.
- <sup>14</sup> Elshtain, J. B., 1981. *Public Man, Private Woman*. hlm. 243.
- <sup>15</sup> Ng, C., 1994. The Woman Question: Problem in feminist analysis. Dlm. Maznah Muhamad dan Wong S.K. (eds). *Feminism: Malaysian Critique and Experience. Journal of Malaysian Studies (isu khas) Disember (XII)*. hlm. 12.
- <sup>16</sup> Abbot, P. & Wallace, C., 1990. *An Introduction to sociology: Feminist Perspectives*. London and New York: Routledge. hlm. 212-18.
- <sup>17</sup> Watskin, S., Rueda M.& Rodriguez, R.A., 1992. *Feminism for beginners*. London: Icon Books Ltd. hlm. 120-21.
- <sup>18</sup> Ramazanoglu, C., 1989. *Feminism and the contradictions of oppression*. London: Routledge. hlm. 27.
- <sup>19</sup> Elshtain, J. B. *Public Man, Private Woman*. hlm. 214.
- <sup>20</sup> Ibid.
- <sup>21</sup> Watskin, S., Rueda M.& Rodriguez, R.A. *Feminism for Beginners*. hlm. 188.
- <sup>22</sup> Ibid.
- <sup>23</sup> Ibid.
- <sup>24</sup> Elshtain, J. B., 1981. *Public Man, Private Woman*. hlm. 203-28.

- <sup>25</sup> Hooks, b., 1984. *Feminist Theory from Margin to Center*. Boston: South End Press. hlm. 40
- <sup>26</sup> Lister, R., 2008. *Citizenship: Feminist Perspectives*. hlm. 143-66.
- <sup>27</sup> Pateman, C., and Shanley, L., 1991. *Feminist Interpretations and Political Theory*. (eds.) Pennsylvania, University Press. hlm.1-11.
- <sup>28</sup> Walby, S., 1994. "Is citizenship gendered?" *Sociology* 28(2). hlm. 379-95.
- <sup>29</sup> Ibid
- <sup>30</sup> Friedan, B., 1963. *The Feminine Mystique*. Harmondsworth: Penguin Books.
- <sup>31</sup> Firestone, S., 1970. *The Dialectic of Sex: The Case for Feminist Revolution*. William Morrow: New York.
- <sup>32</sup> Millet, K., 1972. *Sexual Politics*. New York: Oxford University Press. hlm. 23.
- <sup>33</sup> Ibid. hlm. 25.
- <sup>34</sup> Ibid.
- <sup>35</sup> Sapiro, V., 1984. *The Political Integration of Women*. hlm. 7.
- <sup>36</sup> Rosaldo, M.Z. & Lamphere, L., 1974. *Introduction*. Dlm. Rosaldo, M.Z. & Lamphere, L. (eds). *Women, Culture and Society*. Stanford, Stanford University Press. hlm. 24.
- <sup>37</sup> Ibid.
- <sup>38</sup> Ruddick, S., 1995. *Maternal Thinking: Toward a Politics of Peace*. Boston: Beacon Press. hlm. 223-34.
- <sup>39</sup> Elshtain, J. B., 1981. *Public Man, Private Woman*. hlm. 298-353.
- <sup>40</sup> Ruddick, S., 1980. 'Maternal thinking'. *Feminist Studies* 6(2). hlm. 342-67.
- <sup>41</sup> Ibid.
- <sup>42</sup> Ruddick, S., 1995. *Maternal Thinking: Toward a politics of Peace*. hlm. 13-27.
- <sup>43</sup> Ibid.
- <sup>44</sup> Krauss, C., 1998. *Challenging Power: Working Class Women*. Dlm. Naples, N.A., (ed). *Grassroots Warrior, Activist Mothering, Community Work and the War on Poverty*. New York, Routledge. hlm. 140-148.
- <sup>45</sup> Afshar, H. (ed.), 1996. *Women and Politics In the Third World*. London: Routledge. hlm. 7
- <sup>46</sup> Ruddick, S., 1995. *Maternal Thinking: Toward a politics of Peace*. hlm. 22
- <sup>47</sup> Elshtain, J. B., 1981. *Public Man, Private Woman*. hlm. 201-06.
- <sup>48</sup> Hartsock, N., 1998. *The Feminist Standpoint Revisited and Other Essay*. New York: Westview Press. hlm. 18.
- <sup>49</sup> Millet, K., 1972. *Sexual Politics*. hlm. 23.
- <sup>50</sup> Randall, V., 1987. *Women and Politics: An International Perspectives*. hlm. 12.
- <sup>51</sup> hooks, b., 1984. *Feminist Theory from Margin to Center*. hlm. 127.
- <sup>52</sup> Ibid.
- <sup>53</sup> Walby, S., 1988. *Gender, Politics and Social Theory*. *Sociology*. 22. hlm. 195.
- <sup>54</sup> Mohanty, C. T., 1991. *Under Western Eyes: Feminist Scholarship and Colonial Discourse*. Dlm. Mohanty, C. T., Russo, A., Torres, L., (eds). *Third World Women and the Political of Feminism*. Bloomington & Indianapolis: Indiana University Press. hlm. 3-5.
- <sup>55</sup> Jayawardena, K., 1986. *Feminism and Nasionalism in the Third World*. hlm. 2.
- <sup>56</sup> Ibid. hlm. 4.
- <sup>57</sup> Abbot, P. & Wallace, C., 1990. *An Introduction to Sociology: Feminist Perspectives*. London and New York: Routledge. hlm. 40.
- <sup>58</sup> Wazir J. K., 1994. *A Theory of a Distinction of Words Roughly Answering Sex: Kajian Malaysia*, XII. 1 & 2. hlm. 160-84.
- <sup>59</sup> Mohanty, C. T., 1991. *Under Western Eyes: Feminist Scholarship and Colonial Discourse*. Dlm. Mohanty, C. T., Russo, A., Torres, L., (eds). *Third World Women and the Political of Feminism*. hlm. 23.
- <sup>60</sup> Maznah Mohamad, Ng, C., & Tan Beng Hui, 2006. *Feminism and the Women's Movement in Malaysia: An unsung (R)evolution*. London: New York. hlm. 1-13.

- <sup>61</sup> Afshar, H. (ed.), 1996. *Women and Politics In the Third World*. London: Routledge. hlm. 76.
- <sup>62</sup> Ng, C., 1994. The Woman Question: Problem in Feminist Analysis. Dlm: Maznah Muhamad dan Wong S.K. (eds). *Feminism: Malaysian Critique and Experience*. Journal of Malaysian Studies (isu khas), Disember (XII). hlm. 14.
- <sup>63</sup> Maznah Mohamad, 1998. Feminisme dan Kuasa: Kritikan dari Perspektif Feminisme. Dlm, Rokiah Talib & Thambiah S., 1998. *Gender, Budaya dan Masyarakat*. Rancangan Pengajian Gender, University Malaya Press. hlm. 211.
- <sup>64</sup> Mohanty, C. T., 1991. Under Western Eyes: Feminist Scholarship and Colonial Discourse. Dlm, Mohanty, C. T., Russo, A., Torres, L., (eds). *Third World Women and the Political of Feminism*. hlm. 6.
- <sup>65</sup> Ibid.
- <sup>66</sup> Ibid.
- <sup>67</sup> Spencer, P., & Wollman, H., 2002. *Nationalism: A Critical Introduction*. London: Sage Publications. hlm. 51.
- <sup>68</sup> Anderson, B., 1983. *Imagined Communities: Reflections on the Origins and Spread of Nasionalism*. New York: Verso Books. hlm. 6.
- <sup>69</sup> Mohanty, C. T., 1991. Under Western Eyes: Feminist Scholarship and Colonial Discourse. Dlm, Mohanty, C. T., Russo, A., Torres, L., (eds). *Third World Women and the Political of Feminism*. hlm. 57-81.
- <sup>70</sup> Ibid.
- <sup>71</sup> Herr, R. S., 2003. The Possibility of Nationalist Feminism, *Hypatia*. 18(3). hlm. 135.
- <sup>72</sup> Ibid.
- <sup>73</sup> Eriksen T. H., 1993. *Ethnicity and Nationalism: Anthropology Perspectives*. London: Pluto Press. hlm. 100.
- <sup>74</sup> Kaplan, G., 1997. Feminism and Nationalism: The European Cases. Dlm. West, L., (ed). *Feminist Nationalism*. New York, Routledge. hlm. 17.
- <sup>75</sup> McClintock, A., 1995. *Imperial Leather: Race, Gender and Sexuality in the Colonial Contest*. New York: Routledge. hlm. 63.
- <sup>76</sup> Randall, V., 1987. *Women and Politics: An International Perspectives*. hlm. 175.
- <sup>77</sup> Jayawardena, K., 1986. *Feminism and Nasionalism in the Third World*. hlm. 3
- <sup>78</sup> Ibid.
- <sup>79</sup> Kim, H. K., 2009. Should Feminism Transcend Nationalism? A Defence of Feminist Nationalism in South Korea. *Women's Studies International Forum* 32. hlm. 108-19.
- <sup>80</sup> Jayawardena, K., 1986. *Feminism and Nasionalism in the Third World*. hlm. 3-6.
- <sup>81</sup> Kim, H. K., 2009. Should Feminism Transcend Nationalism? A Defence of Feminist Nationalism in South Korea. *Women's Studies International Forum* 32. hlm. 11.

## Rujukan

- Abbot, P. & Wallace, C., 1990. *An Introduction to Sociology: Feminist Perspectives*. London and New York: Routledge
- Ackelsberg, M., & Shanley, M. L., 1996. Privacy, Publicity and Power: A Feminist Rethinking of the Public-Private Distinction. Dlm Hirschmann, N., & Di Stefano C., (eds). *Revisioning the Political: Feminist Reconstruction of Traditional Concepts in Western Political Theory*. New York: Westview Press
- Afshar, H. (ed.), 1996. *Women and Politics in the Third World*. London: Routledge
- Anderson, B., 1983. *Imagined Communities: Reflections on the Origins and Spread of Nasionalism*. New York: Verso Books.



- Bachrach P. & Baratz, S., 1970. *Power and Poverty: Theory and Practice*. 6<sup>th</sup> ed. London: Oxford University Press.
- Beasley, C., 1999. *What is Feminism: An Introduction to Feminist Theory*. London: Sage Publication.
- Beauvoir, S. De, 1953. *The Second Sex*. Harmondsworth: Penguin Books.
- Chatterjee, P., 1989. Colonialism, Nationalism and the Colonized Woman: the Context in India. *American Ethnologist*, 16.
- Dancz, V. H., 1987. *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*. Singapore: Oxford University Press.
- Durkheim, E., 1964. *The Division of Labour in Society*. terjemahan George Simpson. New York: The Free Press.
- Elshtain, J. B., 1981. *Public Man, Private Woman*. Princeton: Prince University Press.
- Eriksen T. H., 1993. *Ethnicity and Nationalism: Anthropology Perspectives*. London: Pluto Press.
- Firestone, S., 1970. *The Dialectic of Sex: The Case for Feminist Revolution*. New York: William Morrow.
- Friedan, B., 1963. *The Feminine Mystique*. Harmondsworth: Penguin Books.
- Gupta, S. K., 2008. *Voluntarism Social Capital and Women's Political Empowerment*. New Delhi: MPS Publishers.
- Hacker, H., 1951. Women as a Minority Group. *Social Forces*. 30
- Hartsock, N., 1998. *The Feminist Standpoint Revisited and Other Essay*. New York: Westview Press.
- \_\_\_\_\_, 1983. *Money, Sex and Power*. New York: Longman.
- Herr, R. S., 2003. The Possibility of Nationalist Feminism, *Hypatia* 18(3).
- Heywood, A., 1999. *Political Theory: An Introduction*. New York: Palgrave.
- Hooks, B., 1984. *Feminist Theory from Margin to Center*. Boston: South End Press.
- Jayawardena, K., 1986. *Feminism and Nasionalism in the Third World*. London & New Jersey: Zed Books Ltd.
- Kandiyoti, D., 1988. Bargaining with patriarchy, *Gender and Society* 2(3).
- \_\_\_\_\_. 1991. Identity and its Discontent: Woman and Nation. *Millenium: Journal of International Studies* 20(3).
- Kaplan, G., 1997. Feminism and Nationalism: The European Cases. Dlm. West, L., (ed). *Feminist Nationalism*. New York, Routledge.
- Kim, H.K., 2009. Should Feminism Transcend Nationalism? A Defence of Feminist Nationalism in South Korea. *Women's Studies International Forum* 32.
- Krauss, C., 1998. Challenging Power: Working Class Women. Dlm. Naples, N.A., (ed). *Grassroots Warrior, Activist Mothering, Community Work and the War on Poverty*. New York, Routledge.
- Laswell, H.D., 1968. *Politics: Who Gets What, When, How*. 11<sup>th</sup>ed. New York: Meridien Books.
- Lister, R., 2008. *Citizenship: Feminist Perspectives*. New York: New York University Press
- Manderson, L., 1980. *Women, Politics and Change: The Kaum Ibu UMNO, 1945-1972*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Maznah Mohamed, Ng, C., & Tan Beng Hui, 2006. *Feminism and the Women's Movement in Malaysia: An unsung (R)evolution*. London: New York.

- Maznah Mohamad. 1994. Poststructuralism, power and Third World Feminism. Dlm: Maznah Muhammad dan Wong S.K., (eds). *Feminism: Malaysian Critique and Experience*. Journal of Malaysian Studies (isu khas), Disember (XII).
- Maznah Mohamed & Wong Soak Koon. 1994. Introduction: Malaysian critique and experience of feminism. Dlm: Maznah Muhammad dan Wong S. K., (eds). *Feminism: Malaysian Critique and Experience*. Journal of Malaysian Studies (isu khas), Disember (XII).
- Maznah Mohamad, 1998. Feminisme dan Kuasa: Kritikan dari Perspektif Feminisme. Dlm. Rokiah Talib & Thambiah S., 1998. *Gender, Budaya dan Masyarakat*. Rancangan Pengajian Gender, University Malaya Press.
- McClintock, A., 1995. *Imperial Leather: Race, Gender and Sexuality in the Colonial Contest*. New York: Routledge.
- Millet, K., 1959. *Sexual Politics*. New York: Oxford University Press.
- Mills, S., 1997. *Discourse: The New Critical Idiom*. London & New York: Routledge.
- Mitchell, J., 1966. *Women: The Longest Revolution*. New York: Pantheon Books.
- Mohanty, C. T., 1991. Under Western Eyes: Feminist Scholarship and Colonial Discourse. Dlm. Mohanty, C. T., Russo, A., Torres, L., (eds). *Third World Women and the Political of Feminism*. Bloomington & Indianapolis: Indiana University Press
- Mouffe, C., 1992. Feminism, Citizenship, and Radical Democratic Politics. Dlm. Butler, Judith & Joan W. Scott. (eds). *Feminist Theorize the Political*. New York and London, Routledge.
- Narayan, U., 1990. "Westernization," Respect for Cultures, and Third World Feminist. Dlm. Nicholson, L. J., (ed). *The Second Wave: A Reader in Feminist Theory*. New York and London, Routledge.
- Ng, C. & Maznah Mohamad, 1989. Pergerakan Wanita di Malaysia: Emansipasi atau Pembebasan. Dlm Shabery Chik. (ed). *Cabaran Malaysia Tahun Lapan Puluhan Kuala Lumpur, Persatuan Sains Sosial Malaysia*.
- Ng, C., 1994. The Woman Question: Problem in Feminist Analysis. Dlm: Maznah Muhammad dan Wong S. K. (eds). *Feminism: Malaysian Critique and Experience*. Journal of Malaysian Studies (isu khas), Disember (XII).
- Ong, A., 1988. Colonialism and Modernity: Feminist Representation of Women in Non-Western Societies. *Inscription* 3/4.
- Patemann, C., 1988. *The Sexual Contract*. Cambridge: Polity Press.
- \_\_\_\_\_, C. & Shanley, M.L., 1991. Introduction. Dlm. Patemann, C. & Shanley, M.L. (eds). *Feminist Interpretations and Political Theory*. Pennsylvania, University Press.
- Rai, S., 1996. Women and the State in the Third World. Dlm. Afshar, H., (ed). *Women in Politics in the Third World*. London and New York: Routledge
- Ramazanoglu, C., 1989. *Feminism and the Contradictions of Oppression*. London: Routledge.
- Randall, V., 1987. *Women and Politics: An International Perspectives*. Hampshire: The Macmillan Press Ltd.
- Rosaldo, M. Z. & Lamphere, L., 1974. Introduction. Dlm. Rosaldo, M. Z. & Lamphere, L. (eds). *Women, Culture and Society*. Stanford, Stanford University Press.
- Rowbotham, S., 1972. *Women, Resistance and Revolution: A History of Women and Revolution in the Modern World*. New York: Random House.
- \_\_\_\_\_, 1992. *Women in Movement: Feminism and Social Action*. London: Routledge.
- Ruddick, S., 1989. *Maternal Thinking: Towards a Politic Peace*. London: Women's Press.

- \_\_\_\_\_, 1980. Maternal Thinking. *Feminist Studies* 6(2).
- Sapiro, V., 1984. *The Political Integration of Women*. Chicago: University of Illinois Press.
- Scott, J. W., 1992. "Experience". Dlm. Butler, Judith & Joan W. Scott. (eds). *Feminist Theorize the Political*. New York and London, Routledge.
- Shanley, M. L. & Pateman C., 1989. Introduction. Dlm. Shanley, M. L. & Pateman C., (eds). *Feminist Interpretations and Political Theory*. Princeton, Princeton University Press.
- Spencer, P. & Wollman, H., 2002, *Nationalism: A Critical Introduction*. London: Sage Publications.
- Visweswaran, K., 1994. Subaltern Gender: Nationalist Ideology and Its Historiography. Dlm. Arnold, D., & Hardiman, D., (eds). *Writings on South Asian History and Society*. Delhi, Oxford University Press.
- Walby, S., 1988. Gender, Politics and Social Theory. *Sociology* 22.
- Ward, M., 1995. *In Their Own Voice: Women and Irish Nationalism*. Dublin: Attic Press.
- Watskin, S., Rueda M. & Rodriguez, R.A., 1992. *Feminism for Beginners*. London: Icon Books Ltd.
- Waylen, G., 1996. Analysing Women in Politics of Third World. Dlm. Afshar, H.,(ed). *Women in Politics in the Third World*. London and New York: Routledge.
- Wazir J. K., 1992. *Women and Culture: Between Malay Adat and Islam*. Oxford: Westview Press.
- \_\_\_\_\_, 1994. A Theory of a Distinction of Words Roughly Answering to Sex. dlm: Maznah Muhamad dan Wong S. K., (eds). *Feminism: Malaysian Critique and Experience*. *Journal of Malaysian Studies* (isu khas). Disember (XII).
- Yuval-Davis, N., 1997. *Gender and Nation*. London: Sage Publications.
- \_\_\_\_\_ & Anthias F. 1983. Contextualizing Feminism: Gender, Ethnic and Class Division. *Feminist Review* 14.